



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	2/12/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Dua sungai di Pahang melepasi paras berjaga-jaga

KUANTAN - Paras air Sungai Lepar di stesen Jambatan Gelugor dan Sungai Pahang di stesen Sungai Yap, Jerantut melepasi paras berjaga-jaga sehingga jam 1 tengah hari semalam.

Berdasarkan laporan terkini dikeluarkan portal *publicinfobanjir.water.gov.my*, bacaan paras air

Sungai Lepar di stesen Jambatan Gelugor mencatat bacaan 28.68 meter melepasi paras berjaga-jaga iaitu pada paras 28.50 meter.

Sungai Pahang di Stesen Sungai Yap pula mencatat bacaan 48.21 meter berbanding paras berjaga-jaganya 48 meter.

Situasi semasa paras air sungai di

dua stesen berkenaan menunjukkan trend meningkat.

Bacaan paras air di stesen lain masih berada pada paras normal.

Jabatan Meteorologi Malaysia semalam mengeluarkan notis amaran cuaca buruk dengan jangkakan hujan lebat berterusan di Kuantan, Pekan dan Rompin.

Sebuah keluarga di Rompin diarah berpindah

KUANTAN - Sebuah keluarga di Kampung Janglau, Rompin menjadi mangsa pertama yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di balai raya Kampung Janglau petang semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang (JBPM), Nor Hisham Mohamad berkata, tiga ahli keluarga itu berpindah dengan bantuan bomba dan beberapa agensi berkaitan.

"Keluarga itu diarahkan berpindah selepas paras air naik mendadak," katanya dalam kenyataan semalam.

Nor Hisham berkata,



FOTO: IHSAN JBPM

Sebuah keluarga diarahkan berpindah selepas rumah mereka dinaiki air di Kampung Janglau, Rompin.

penduduk diminta agar membuat laporan sekiranya rumah mereka dilanda banjir dan perlu berpindah segera ke kawasan selamat.



Nazri (dua kanan) meninjau keadaan jambatan gantung di Kampung Pagi yang rosak akibat banjir.

Jambatan gantung akan dibaiki

KUANTAN - Kerajaan Pahang akan membaiki jambatan gantung berhampiran Sekolah Kebangsaan Kampung Pagi Ulu Tembeling yang rosak akibat banjir.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tawar, Datuk Nazri Ngah berkata, walaupun jambatan gantung itu digunakan se-

bagai laluan alternatif namun ia tetap bermanfaat kepada penduduk.

"Saya akan baiki jambatan ini kerana ia digunakan murid dan penduduk untuk masjid sebagai jalan pintas.

"Jambatan ini tidak akan dirobohkan biarpun jambatan baru siap dibina," katanya.